

DEWAN MAJLIS**Selasa, 8 Jamadilakhir 1438 / 7 Mac 2017****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lilaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpongan, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjung Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kedua pada hari Selasa, 8 Jamadilakhir 1438 bersamaan 7 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, bersidang bagi hari yang kedua di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan

Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayidina Muhammad ﷺ kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada hari Isnin, 6 Mac 2017, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selesai sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya baginda telah berkenaan untuk mengurniakan titah. Majlis pagi ini sepenuhnya ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan menjunjung tinggi atas keberangkatan dan titah yang dikurniakan oleh baginda itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam kesempatan ini, izinkanlah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara yang pada kali ini telah mencatatkan satu peristiwa yang amat bersejarah. Kita sekali lagi dapat menyaksikan pelantikan baharu bagi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dari kalangan ahli yang terdiri daripada ahli-ahli baharu dan juga ahli-ahli lama.

Selain itu, pelantikan kali ini adalah satu *turning point* atau titik perubahan yang penting bagi Majlis Mesyuarat Negara ini,

kerana buat pertama kalinya pelantikan ahli-ahli dari kalangan belia sendiri.

Antara pendekatan yang dapat dipetik daripada kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah baginda telah menekankan tentang peranan persidangan ini sendiri untuk membincangkan ataupun membahas isu-isu yang mempunyai kepentingan agar sesi Majlis Mesyuarat Negara akan dapat berlangsung dengan lebih efisien, berkesan dan lebih cekal dengan adanya perspektif pendekatan baharu dari ahli-ahli yang baharu terutama sekali dalam menyentuh isu-isu untuk meningkatkan sumber ekonomi dan infrastruktur perdagangan seterusnya masalah pengangguran di negara ini. Tidak dinafikan dengan adanya ahli baharu ini akan dapat lagi memberikan buah fikiran, cadangan, pendapat serta perspektif yang lebih meluas dalam menyentuh masalah-masalah ini.

Bak kata pendeta "*two heads are better than one*" akan tetapi kita hendaklah senantiasa beringat dan tidak lupa bahawa kesemua Ahli baik Yang Dilantik mahupun Ahli yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet dipertanggungjawabkan untuk bekerjasama secara *collective* dan bersatu padu serta sama-sama memberikan sumbangan demi kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli harus mananai semangat perpaduan dan kerjasama yang erat kerana masing-masing kita mempunyai

matlamat yang sama iaitu menyumbang tenaga dan pemikiran bagi kepentingan semua. Semoga dengan adanya pembaharuan kali ini akan dapat membawa banyak kesan positif kepada Majlis Mesyuarat Negara ini sendiri dan seterusnya ke arah menjaga dan memelihara kepentingan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, Ahli-Ahli Yang Berhormat perlulah juga mengambil kira serta mematuhi etika-etika permesyuaratan dan juga peraturan-peraturan mesyuarat seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya percaya perkara-perkara ini akan dapat lebih lanjut lagi diteliti oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan lebih mendalam semasa kita membincangkan Perkara V, Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis dalam menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, segera sekarang kita berpindah ke perkara yang seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara IV. Kertas-kertas yang akan dibentangkan di atas meja. Kertas No. 1/2017 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia

(Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
and Salam Sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormat memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja, kertas No. 1/2017 iaitu "Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam Tahun 2016/2017 menurut Fasal 83 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Kertas No. 2/2017 akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
and salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan segala hormatnya memohon keizinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 2 Tahun 2017 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara V. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
وَالْمُرْسَلُونَ ، سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ آلِهٖ وَصَاحْبِيهِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
and salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya ini, saya bagi pihak Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan iaitu Menteri-Menteri Kabinet sukacita mengucapkan setinggi tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kita berharap kita semua akan dapat bekerja sebagai satu pasukan dalam memikul tanggungjawab ini demi

menaikkan martabat Majlis Mesyuarat Negara ini, ﴿إِنَّهُ مَنْعَلٌ﴾

Sebagaimana juga yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua bahawa adalah bersesuaian juga bagi kita di Dewan yang mulia ini untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya bangun berdiri di sini mencadangkan satu usul yang berbunyi " Majlis ini bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis ini pada hari Isnin 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 dan atas titah baginda yang Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini menjunjung kasih atas kurnia titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang mengandungi peringatan serta pandangan jauh baginda khasnya dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara terutama dalam mengharungi berbagai-bagai bentuk cabaran termasuk ekonomi global serta keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu yang telah dihadapi beberapa tahun dahulu sehingga hari ini.

Titah baginda adalah sangat beras dan padat, mengandungi kurnia rancangan dan inisiatif yang menjurus kepada strategi untuk membawa Negara Brunei Darussalam dalam maju dan membangun. Kehadiran dan komitmen Pelaburan Langsung Asing ke negara ini mencerminkan dengan jelas keyakinan mereka pelaburan di negara ini. Kurnia titah baginda mengenai penubuhan *SME Bank*, usaha-usaha mengukuhkan aktiviti perusahaan mikro kecil dan sederhana serta memperkasa syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau *GLC's* akan dapat membantu kemajuan ekonomi di sektor ini.

Semua ini jelas menggambarkan kebijaksanaan, keprihatinan dan pemedulian baginda yang mempunyai pandangan jauh bagi memastikan

pertumbuhan ekonomi negara yang mantap dengan mempelbagaikan ekonomi negara demi kesejahteraan generasi yang akan datang.

Oleh yang demikian, permesyuaratan kita dalam masa beberapa hari ke hadapan ini perlu mengambil perhatian berat terhadap titah baginda yang menyarankan betapa pentingnya Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengetengahkan dengan ikhlas dan jujur idea-idea yang bernes dan strategik yang membawa impak dalam menangani isu-isu penting terutama sekali yang membabitkan cabaran-cabaran yang kita hadapi dan juga bagi melipatgandakan lagi usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan negara ini.

Berikut dengan kedudukan ekonomi dunia yang masih belum pulih sejak tahun 2015 cabaran ini nampaknya akan berterusan dan kesan impaknya juga dirasakan menghimpit kita di Negara Brunei Darussalam. Usaha-usaha kita dalam menghadapi cabaran-cabaran ini perlu diteruskan kita juga perlu sama-sama bertindak dan bergerak dalam melaksanakan kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang wajar dalam menangani isu dalam menangani situasi ini secara lebih efektif melalui pendekatan *whole of nation* bagi meningkatkan *productivity* negara. الحمد لله dalam menjunjung tinggi titah baginda dan berkat kerjasama padu semua pihak yang berkepentingan, beberapa syarikat daripada Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) telah mula bertapak dan menjalankan operasi mereka di negara

ini seperti dalam bidang *pharmaceutical*, bioteknologi dan sebagainya. Sementara itu sebilangan syarikat *FDI's* akan memulakan operasi mereka. Penyertaan sebuah syarikat Pelaburan Langsung Asing dalam mengendali, memaju dan meneroka potensi *Muara Container Terminal (MCT)* akan menjana kemajuan dan perkembangan sektor pengangkutan.

Usaha bersatu dan berterusan kerajaan dalam *Ease of Doing Business*, peningkatan infrastruktur dan titah baginda mengenai rancangan mewujudkan Zon Perdagangan Bebas (*Free Trade Zone*) khasnya dalam sektor pembuatan, akan setentunya menambah baik lagi *eco system* negara ini dalam menarik lebih banyak lagi *FDI* ke negara ini, إن شاء الله dan akan menjadikan negara ini destinasi pelaburan berdaya maju.

Kejayaan projek-projek ini jelas mencerminkan komitmen negara ke arah membangun sektor swasta, terutama sekali dalam menerokai potensi bagi meluaskan pembangunan ekonomi di luar sektor minyak dan gas yang akan turut menjana peluang pekerjaan di samping penerokaan potensi ini perlu diteruskan dan dengan kerjasama padu semua pihak إِن شاء الله akan dapat memacu ekonomi negara dan menjadikannya berdaya tahan.

Sejajar dengan inisiatif-inisiatif yang dinyatakan, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah konkret bahawa beberapa kementerian telah pun mengambil pendekatan *Public Private*

Partnership (PPP) sebagai kaedah bijak dalam pelaksanaan projek-projek pilihan. Melalui kaedah ini, di samping pelaksanaan projek secara efisien, ia juga telah dapat membuka peluang penglibatan golongan peniaga, pengusaha tempatan terutama pengusaha mikro kecil dan sederhana.

Penubuhan *SME Bank* yang berdasarkan konsep syariah adalah suatu inisiatif yang diharap akan dapat meningkatkan dan memperkembangkan lagi aktiviti perniagaan khasnya kepada generasi muda. Penubuhan *SME Bank* yang syariah *compliance* ini mencerminkan dengan jelas keyakinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan muamalah Islam dan sekali gus memperkembangkan industri kewangan Islam di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. ﷺ kemajuan dan perkembangan yang telah kita capai selama ini adalah berpaksi kepada suasana keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati di negara ini di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sebagaimana juga titah baginda sempena Awal Tahun Masehi 2017, bahawa rukun keamanan adalah mustahak untuk dipelihara dan diamalkan iaitu memegang kuat ajaran agama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu.

Adalah penting bagi semua lapisan masyarakat berganding bahu dalam memelihara rukun keamanan ini kerana tanpa keamanan, pembangunan yang diinginkan tidak akan tercapai.

Dalam hubungan ini, baginda telah mengingatkan kita supaya dalam keghairahan memanfaatkan teknologi canggih, kita dikehendaki supaya jangan lalai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan termasuk penggunaan media sosial untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah. Kita mestilah berwaspada dan menjunjung tinggi nasihat baginda ini, kerana jika kita alpa, ia boleh mengundang bencana.

Di samping keamanan, tahap kesihatan juga mempunyai peranan yang tinggi dalam mendukung peranan negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat prihatin mengenai perlunya amalan cara hidup sihat diterapkan ke dalam gaya hidup semua peringkat umur melingungi antara tabiat pemakanan, kegiatan fizikal dan kesejahteraan mental.

Dengan memperkasa cara hidup sihat ini, kesejahteraan dan potensi produktiviti individu akan dapat dicapai sepenuhnya. Seiring dengan kesihatan, pendidikan juga mempunyai peranan yang mempunyai kepentingan sendiri dalam meningkatkan kemajuan negara. Peka akan perkara ini, kerajaan amat komited dalam memastikan bukan sahaja peluang bagi warganegara ini

diberikan pendidikan akan tetapi memastikan kualiti pendidikan termasuk kualiti guru.

Dalam hal sedemikian, salah satu langkah mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran literasi dan numerasi di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016, satu perjanjian telah ditandatangani antara pihak *CBt* dan Kementerian Pendidikan yang diharap dapat menyumbang bagi meningkatkan kualiti pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kesinambungan dari pendidikan yang mapan akan melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran dalam menangani pengurusan tenaga manusia ini. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menu buhkan Majlis Perancangan Tenaga Manusia (*Manpower Planning Council*) pada Mei 2016. Mandat majlis ini antara lain bertanggungjawab secara keseluruhan untuk memadankan permintaan dan bekalan tenaga kerja dengan sasaran untuk mengurangkan pergantungan pada tenaga kerja asing.

Selaras dengan usaha ini, *Job Centre Brunei* juga turut ditubuhkan pada penghujung tahun 2016 dengan fokus utama termasuk menyediakan rangka kerja urus tadbir yang bersesuaian serta menganalisis maklumat dan inisiatif-inisiatif berkaitan dengan perancangan sumber tenaga manusia. Penganalisisan

merangkumi gambaran jangka panjang keperluan tenaga manusia pada masa akan datang.

Usaha ke arah meningkatkan *employability* dan *marketability* para pencari kerja turut diberikan perhatian melalui *Program Industry Competency Framework*. Program ini adalah kesinambungan daripada *Energy Industry Competency Framework* yang telah wujud sejak tahun 2014. Ianya dihasratkan bagi memberikan pendedahan suasana pekerjaan yang sebenar bahawa setiap pencari kerja ditempatkan bagi tempoh yang tertentu mengikut jenis pekerjaan.

Sehubungan dengan itu, sekali lagi kita menjunjung kasih atas kurnia perkenan baginda memperkenalkan mulai bulan April 2017, *Program Apprenticeship* iaitu program *I-RDY* khusus bagi graduan-graduan yang mencari pekerjaan. Kita berharap para graduan akan mengambil manfaat sepenuhnya dari program ini untuk menimba pengalaman bekerja baik di sektor awam atau swasta dan dalam masa yang sama bersedia untuk membuat perubahan minda bagi kebaikan dan kemajuan diri sendiri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cabaran masa kini yang kita hadapi adalah pelbagai yang memerlukan permuafakatan erat, percambahan fikiran yang terbuka, menerokai kreativiti dan inovasi ke arah mengenal pasti langkah-langkah yang wajar, bernas dan bersesuaian serta *strategic* dan *effective*. Berdasarkan apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita semua perlulah memberikan perhatian yang serius kepada seruan baginda, agar memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara. Bagi tujuan ini, kita diharapkan untuk mengemukakan pandangan-pandangan dan saranansaranan bernes tanpa takut-takut dan ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara iaitu berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) falsafah negara kita.

Mudah-mudahan dengan perbahasan yang matang dan berkualiti, kita akan dapat menggalas tanggungjawab kita dalam sama-sama memartabatkan institusi Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi penting bagi pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. إِنَّمَا اللَّهُ يَعْلَمُ perjalanan permesyuaratan kita dalam beberapa hari mendatang akan dapat mencanai hasilnya di bawah pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita mempunyai penuh kepercayaan dan keyakinan ianya akan terlaksana dengan lancar dan teratur.

Harapan kita semua ialah supaya perbincangan-perbincangan di Dewan yang mulia ini akan mampu membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha membangun negara yang sama-sama kita cintai ini agar rakyat dan penduduknya dapat terus hidup dalam keamanan, ketenteraman serta

kesejahteraan yang berterusan dan berkekalan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sekian.

وَبِاللهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لِلَّهِ kita telah pun mendengar kenyataan dan hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya meminta jika sekiranya ada seorang ahli untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan satu Usul untuk menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis ini pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017. Kenyataan Usul ini telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Maka dengan itu, saya sekarang ingin membukakan supaya Usul ini dibahaskan.

Nampaknya ada beberapa orang ahli yang berminat untuk turut serta dalam membahaskan usul yang telah dikemukakan ini. Saya persilakan dulu Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:

السَّلَامُ عَلَى مَنْ أَتَيَ اللَّهُ بِهِ الْمُهَدِّى أَشْلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِيهِ أَخْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola mengucapkan syukur **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kerana dengan rahmat dan izin-Nya dapat kaola menghadiri Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini.

Kaola sukacita menyokong sepenuhnya Usul dan kandungan ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Paduka (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi

menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 dan juga pengurniaan titah yang penuh hikmah dan bijaksana yang banyak tertumpu kepada kegiatan-kegiatan ekonomi bagi memperkasa ekonomi negara dengan menarik lebih ramai pelabur asing untuk datang membuat pelaburan mereka di negara ini. Dengan demikian akan memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga-warga tempatan.

Usaha Kerajaan menujuhkan "MSME" Bank akan memberikan kemudahan pinjaman berdasarkan konsep syariah "*syariah compliance*" kepada sesiapa yang berminat untuk membuka bidang perusahaan dan perniagaan yang pasti sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh warga-warga tempatan. Dengan demikian kerajaan telah dapat memberikan kemudahan modal kepada siapa yang ingin berusaha atau bermiaga.

Kaola tidak akan bercakap mengenai soal-soal ekonomi itu kerana ia adalah bukan bidang pengajian kaola. Tetapi apabila Allah Subhanahu Wata'ala sering kali menyatakan dalam Al-Quran bahawa iman dan takwa itu terbuka luas dan pintu rezeki dari langit dan bumi dan

orang beriman dan bertakwa akan diperluaskan dan dipermudahkan rezekinya, maka wajar kita kaitkan ajaran Al-Quran itu dengan pembinaan masjid kerana masjid adalah tempat terpenting untuk membangunkan umat yang beriman ﷺ dan bertakwa menerusi pendidikan dan amalan-amalan keugamaan dan menerusi masjid itulah Rasulullah dan para sahabat menegakkan agama dan negara Islam pertama di Madinah dan serta membina kemajuan dalam segenap bidang.

Begitulah Baginda Rasulullah ﷺ apabila tiba di Madinah pada awal hijrah. Baginda telah mendirikan masjid lebih dahulu daripada baginda membina rumah untuk kediaman sendiri. Kalauolah mebina rumah itu lebih utama berbanding masjid, tentulah Baginda membina rumah lebih dahulu daripada masjid.

Kaola agak terkilan, mendapati bahawa peruntukan kerajaan yang khusus untuk membina masjid telah tidak digunakan untuk pembinaan masjid pada tahun 2017 ini. Kaola sedia menerima hakikat bahawa keadaan ekonomi negara yang sedang merudum akibat kejatuhan harga minyak dan gas. Tetapi meniadakan pembinaan masjid oleh kerajaan adalah sesuatu yang patut dipertimbangkan semula kerana kerajaan sungguh komited dalam membangun syiar Islam walaupun tidak setiap tahun memadailah dengan membina sebuah masjid pada tiap-tiap dua tahun setengah.

Dengan dasar sedemikian, dalam tempoh 10 tahun, kerajaan akan dapat

membina 4 buah masjid, itulah tandanya agama Islam di negara ini dapat terus-menerus menjalankan kewajipan menegakkan agama dan menyuburkan iman dan takwa bagi umat Islam di negara ini.

Kaola sukacita menyatakan dan menurut nasihat pihak para ulama khususnya ulama syafiah. Apabila di sebuah kampung itu terdapat 30 orang mukhalaf yang wajib mendirikan sembahyang berjemaah maka wajiblah dirikan tempat khusus untuk berjemaah.

Menurut konteks Brunei, kebanyakan kampung sekarang sudah dipadati oleh penduduk Islam, maka tiada jalan lain melainkan membina masjid pada kampung-kampung yang padat dengan penduduk Islam berkenaan.

Kaola sarankan pembinaan masjid di kampung-kampung itu bolehlah diambil peruntukannya daripada tabung pembinaan masjid yang menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sesi muzakarah abis kaola dengan kementerian itu baru-baru ini menyatakan purata hasil kutipan tabung itu adalah \$2.5 juta setahun.

Oleh sebab pembinaan masjid biasanya \$5 juta, maka sebuah masjid boleh dibina pada tiap-tiap 2 tahun. Bererti dalam tempuh 10 tahun sumbangan orang ramai boleh membina 5 buah masjid jika dicampur dengan pembinaan masjid oleh kerajaan 4 buah masjid dalam jangka 10 tahun. Bererti tiap-tiap 10 tahun kita akan mempunyai sekurang-kurangnya 9 buah masjid.

Kaola sukacita menyarankan seperti yang berikut:-

1. Dalam belanjawan Kemajuan Negara, peruntukan telah disediakan untuk membina 2 buah masjid dalam tempoh 5 tahun itu. Dan sebuah masjid dibina untuk tempoh dua tahun setengah. Masjid yang dibina oleh kerajaan itu biarlah yang berkapisiti seribu lima ratus orang jemaah ke atas; dan
2. Masjid yang dibina pada setiap kampung secara berperingkat-peringkat dengan menggunakan wang tabung setiap masjid dan sumber lain bukan kerajaan dan biarlah masjid di kampung itu yang berkapisiti di bawah daripada seribu 1,500 orang jemaah dan peruntukannya sekitar \$5 juta.

Dengan demikian, umat Islam dapat mengelakkan kemurkaan Allah yang membawa akibat buruk kepada kita dan negara kita. Allah jualah Yang Maha Pemberi Rezeki, dan Allah jualah Yang Maha Berkuasa menarik rezeki daripada kita wal iza na nauzubillah kerana sumber rezeki yang sebenar-benarnya dengan-Nya hanyalah Allah Subhanahu Wata’ala. Kita hanya diminta berikhtiar dan berusaha untuk mendapatkan limpah kurnia Allah yang berupa rezeki.

Sekianlah ucapan dan saranan-saranan kaola mudah-mudahan jua mendapat perhatian dan pertimbangan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan dan bukan kerajaan demi kepentingan agama, umat dan negara.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْمُبَارَكَةُ عَلَيْكُمْ حَمَدُ اللّٰهِ وَبِرَحْمَتِهِ كُنْ أَكْثَرُ الْأَمْرِ عَلَى مِنْ اتَّقَعَ الْأَنْهٰدِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji

Tahamit bin Haji Nudin: أَشَدُّمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللّٰهِ وَرَحْمَةَ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menggabungkan diri bersama rakan-rakan sejawatan menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang telah disembahkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi.

Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah tersebut. Titah baginda mencerminkan keprihatinan baginda pada penjanaan perekonomian negara. Kaola penuh yakin sekiranya semua lapisan rakyat mananai titah tersebut ia akan menjadi kenyataan. Kaola ada dua usul:-

1. Melihat kepada pencari kerja aktif (*active job seekers*) penerapan kemahiran hidup harus ada pada persiapan dalam pekerjaan. Perlu persiapan kemahiran dalam membantu pencari kerja. Fokus

utama seharusnya dibuat pada kemahiran dan latihan yang diperlukan bagi kerja dalam bidang bersesuaian. Jika sudah berkemahiran, ini akan meminimumkan pengangguran yang sering bertukar-tukar pekerjaan. Antara kemahiran yang perlu penambahbaikan ialah pekerja buruh mahir yang masih pada tahap minimal supaya boleh mengurangkan pengambilan buruh asing dan secara tidak langsung mengurangkan perbelanjaan ekonomi negara dalam pengambilan pekerja asing; dan

2. *SME* - Penyediaan satu *platform* bagi perniagaan secara *online* di Brunei. Perniagaan secara *online* semakin berkembang luas dan ini menjadi trend yang mudah diikuti pada masa kini. Perniagaan secara *online* hendaklah didaftarkan di sebuah platform yang disahkan oleh pihak tertentu supaya tidak terjadi penipuan dan menjadi jaminan kepada pembeli-pembeli secara *online*. Begitu juga peniaga-peniaga secara *online* yang harus dilindungi kerana secara tidak langsung boleh menjana pada sosioekonomi negara. Platform ini juga boleh diguna pakai sebagai rujukan peniaga-peniaga secara *online* yang dalam senarai dan boleh memudahkan pihak *SME Bank* untuk memberikan pinjaman tergantung pada dana pinjaman yang diperlukan oleh sebuah perniagaan tersebut. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بسم الله الرحمن الرحيم
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berdiri di Dewan yang mulia ini bagi mewakili Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik daripada Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan.

Abis kaola menyokong sepenuhnya usul yang telah dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Sesungguhnya titah baginda amatlah padat dengan nasihat, peringatan dan berpandangan jauh yang mencerminkan kebijaksanaan pemimpin tertinggi negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini akan sentiasa

terpelihara dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Baginda menyerahkan kepada Ahi-Ahli Yang Dilantik supaya akan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa juu pandangan.

Seterusnya baginda bertitah agar perhatian perlu diberikan untuk mempelbagaikan ekonomi negara. Baginda mengajukan beberapa isu mustahak yang berkaitan dengan tajuk besar **Memperkasakan Pembangunan Ekonomi Negara** melalui strategi dan proses yang berikut:-

1. **Foreign Direct Investment (FDI)**

Pelaburan Langsung Asing
Hendaklah diambil perhatian bahawa usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian perlu terus dipertingkatkan dan diperkemaskan. Abis kaola ingin menekankan agar *FDI* yang ada ataupun yang akan dijalankan dapat mengutamakan penglibatan pengusaha tempatan dari segi peluang perniagaan dan pekerjaan. Dengan ini kaola berharap polisi akan terus dipertingkatkan dan diperkemaskan dan menekankan penglibatan perusahaan tempatan dan sumber tenaga tempatan dari segi profesional dan pekerjaan;

2. **Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone)**

Abis kaola sangat

gembira mendengar peluang-peluang diteroka dalam menggalakkan pelaburan langsung asing dan *joint venture* (usaha bersama) dengan perusahaan tempatan. Dengan wujudnya zon ini, ia akan memudahkan lagi aktiviti pelaburan terutama dalam sektor pembuatan. Pihak abis kaola berharap ia dapat membantu perusahaan Brunei untuk bersaing serta menaikkan taraf perusahaan dan mengambil peluang yang terdapat dalam melalui kedua-dua peluang ini. Di samping itu, juga *local content* hendaklah diberi keutamaan; dan

3. Seterusnya baginda bertitah dan menyentuh untuk menilai dan meningkatkan prestasi **Government Linked Companies (GLC's)** apa yang diharapkan adalah peluang yang bakal disediakan untuk memberi laluan kepada *MSME's* tempatan untuk berkecimpung dan aktif bergiat di dalam negeri manakala memperkasakan *GLC's* beroperasi dan bersedia berkembang maju untuk meneroka ke luar negara. Apa yang menjadi keutamaan, adalah ketelusan (*transparency*) dalam melaksanakan perancangan. Melalui usaha tersebut, *GLC's* akan terus berkembang maju dan pada masa akan datang dapat membawa peluang *MSME's* tempatan *the low hanging fruits* untuk ikut serta dan berkembang maju di luar negara. Adalah diharapkan, agar *GLC's* dapat melatih secara *mentorship* perniagaan dan perusahaan untuk

membekalkan pengetahuan atau *knows how* dan menarik minat perusahaan tempatan untuk menceburi perusahaan ke serantau antarabangsa.

4. Mikro Kecil dan Sederhana (*Micro & Small Medium Enterprise*)

di dalam mengupayakan perusahaan mikro kecil sederhana. Dalam mengusahakan perusahaan *MSME*, baginda menyeru supaya lebih banyak lagi pengusaha tempatan dapat berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang yang disediakan seperti *one stop centre*, *Darussalam Enterprise (DARe)*. *Darussalam Enterprise* berperanan untuk menggalakkan perkembangan usahawan dengan merangka beberapa program khusus untuk meningkatkan kecekapan urus tadbir dan aktiviti perniagaan. Oleh yang demikian, anak-anak tempatan hendaklah berani menyahut cabaran dan merebut dalam bidang-bidang keusahawanan. Di samping itu, dengan tertubuhnya SME bank, ia diharap dapat membantu pengusaha *SMSE* untuk mendapatkan pinjaman yang mudah menurut syariah agar menggalakkan lebih ramai orang untuk mengambil kesempatan dalam bidang keusahawanan.

5. Pembangunan Tenaga Manusia (*Human Resources Development*)

Mengenai Pembangunan Tenaga Manusia. Pihak abis kaola ingin mengusulkan untuk memberi insentif kepada sektor swasta untuk memastikan *career progression* atau

perkembangan kejayaan sebagai keperluan dalam menjalankan dan mengembangkan perniagaan. Pihak abis kaola menyambut baik program *I-RDY* yang bakal dijalankan dalam memberi peluang kepada para graduan untuk menjalankan *programme apprenticeship*.

6. Alhamdulilah, menyentuh mengenai

Penyediaan Asas Ilmu Pengetahuan sekolah rendah dan sekolah menengah, pihak abis kaola menyokong baik dalam memastikan penekanan yang *actionable*, *realistic* dan *cost-effective*. Di sinilah pihak yang berkenaan juga dapat menggunakan *whole of community* yang melibatkan pihak sekolah, penuntut, ibu bapa dan masyarakat serta memastikan kakitangan akademik diberikan pembangunan kapasiti untuk mempunyai pendedahan dan latihan dalam penyampaian program akademik termasuk penggunaan *internet* dalam pembelajaran dan melibatkan masyarakat.

7. Dalam menyokong ***Ease of Doing Business (EODB)***

untuk mengukuhkan sosioekonomi negara perlulah mempunyai strategi memastikan perkara ini dapat meningkatkan prestasi seperti mengurangkan proses birokrasi memantau kemajuan iaitu progres dan kesinambungan (*continuity*) bagi memastikan pembaikan. Adalah juga diharap pemberigaan program-program yang sedang dan akan dijalankan supaya dapat lebih

meluaskan untuk memastikan perhubungan dua hala antara pihak kerajaan dan orang ramai.

Dengan yang demikian, apa yang kita bincangkan dan bahaskan di dalam Dewan ini akan lebih mantap dan bermakna. Sesuai dengan titah baginda supaya janganlah isu-isu hanyalah dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan. Perlulah dilihat apa yang sudah dicapai dan sekiranya belum maka perlulah membuat tindakan pemberian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha untuk lebih maju ke hadapan dan memantau pelaksanaan dicadangkan supaya diadakan mesyuarat kesinambungan pada tahap subkomiti sekurang-kurangnya setiap 6 bulan antara kementerian dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Inilah yang diharap akan dapat membantu setiap pihak mencapai hasil hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهَدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتٌ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَلَّمَنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. الشَّادِمُ عَلَيْهِ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ and salam sejahtera.

Sesungguhnya kaola menyokong penuh cadangan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Maka dengan ini kaola mengambil kesempatan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda seterusnya mengurniakan titah dalam Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 dan juga menyembahkan menjunjung kasih atas perkenan baginda melantik semula kaola menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang mewakili Zon 2, Daerah Tutong.

Dengan pelantikan ini, kaola akan sedaya upaya untuk menunaikan amanat dan hasrat serta menanai tanggungjawab ini bersungguh-sungguh yang diamanahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengikut kebolehan dan fikiran kaola,

memikul dengan ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dalam membincang dan membahas isu-isu yang dianggap mustahak terutama sekali yang berkaitan dengan ekonomi, **إِنَّمَا**

Peranan besar abis kaola sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah sebagai pemaju kepada pembangunan negara supaya menggunakan pendekatan *delivery apparoach* iaitu sentiasa berpandangan jauh ke hadapan sebagai satu persiapan, mitigasi dan persediaan sebelum menghadapi berbagai-bagai persoalan yang akan timbul.

Oleh itu, peranan abis kaola dan rakyat agar berupaya bersama-sama dengan pihak berkenaan sebagai sebuah pasukan melakukan tindakan sesuai dengan keadaan sekarang dan akan datang iaitu berkenaan dengan keadaan mengurangkan pergantungan pada hasil sumber minyak dan gas, walaupun pada akhir-akhir ini harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh titah baginda mengenai peningkatan aktiviti-aktiviti ekonomi akan lebih membawa banyak peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan, terpulang kepada rakyat merebut peluang yang ada dengan cara meningkatkan kemahiran kerana kerajaan telah banyak membantu dari segi infrastruktur dan kemudahan yang probisnes termasuk kursus-kursus menerusi sekolah-sekolah vokasional, sekolah-sekolah teknikal, kejuruteraan dan Pusat Pembangunan Belia.

Juga telah menubuhkan pusat-pusat perusahaan kecil juga sederhana *SME* dan memberi keutamaan kepada sektor swasta membina kebudayaan dalam perusahaan mikro bisnes kecil dan sederhana (*MSME*) selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh diperkembangkan dan meningkatkan pencapaian agar perusahaan ini lebih meluas, berdaya saing dan berdaya tahan. Bukan sekadar untuk sara diri malah boleh dieksport dan mencapai ke tahap antarabangsa.

Kaola memetik titah baginda sempena menyambut Hari Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada 23 Februari 2007, iaitu antara lain titah baginda: "Selaku sebuah negara yang kecil dengan sumber yang terhad sudah tentu memerlukan tenaga-tenaga yang lebih inovatif untuk mengurus sumber-sumber tersebut. Hanya dengan ini sahaja, kita akan mampu mengekalkannya serta juga mengganda nilai tambah yang diperlukan oleh negara." Dalam titah ini baginda menitikberatkan tentang keperluan sumber tenaga manusia yang berkemahiran tinggi.

Fikiran yang masih mahu bergantung pada bantuan-bantuan kerajaan dan mengharapkan pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan perlu dikikis. Walau bagaimanapun, dalam pemikiran kaola ada beberapa yang perlu dilaksanakan iaitu jangan lagi berfikir bahawa kelulusan akademik itu memadai untuk menjawat pekerjaan di jabatan kerajaan atau sektor swasta. Kini sudah tiba masanya memerlukan sistem pendidikan berkembar iaitu akademik dan

kemahiran terutama dalam bidang pembuatan yang boleh membantu dan relevan dengan kehendak Pelaburan Langsung Asing yang bergantung pada sumber tenaga tempatan.

Pengetahuan dalam bidang kemahiran dan pembuatan adalah sebagai pemungkin kepada apa juu bentuk pekerjaan terutama yang boleh menjana ekonomi negara. Misalnya diguna pakai untuk bekerja sendiri, menjadi pengusaha dalam bidang pertanian, pelancongan, perikanan, perkilangan, pertukangan dan perusahaan lain.

Sehubungan dengan itu, adalah perlu pusat kemahiran dan pembuatan dilaksanakan di setiap daerah yang melaksanakan beberapa kursus pembuatan untuk belia yang telah meninggalkan alam persekolahan yang belum bekerja.

Program *apprenticeship* yang telah diperkenankan oleh baginda, yang akan dilancarkan pada bulan April 2017 ini nanti bertepatan sekali iaitu untuk menwujudkan khusus bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan sebagai platform memasuki alam pekerjaan.

Sebagai tambahan, peralatan-peralatan dan mesin-mesin pemprosesan dan pembuatan dikecualikan daripada cukai atau dijual dengan harga yang murah bagi menggalakkan perusahaan sektor pembuatan berkembang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam menyokong perkara yang tersebut

di atas, sokongan pihak bekanaan bagi memberi kemahiran, pengalaman, pendidikan dan pemantauan serta modal yang bersesuaian dalam keusahawanan adalah perlu. Jadi kita menyambut baik dan rasa gembira apabila baginda memperkenankan penubuhan *SME Bank* untuk menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah.

Kalau boleh, dicadangkan dengan pinjaman tanpa syarat dengan pembayaran balik 30% dari hasil perusahaan dan 70% adalah untuk membayar gaji, pembelian peralatan dan peruntukan rampaian. Bagi meningkatkan dan mengendalikan Pelaburan Langsung Asing pula, setentunya memerlukan persekitaran yang mudah agar memberi impak yang positif dalam kegiatan ekonomi negara.

Selain itu, porses atau tatacara peraturan melaksanakan perusahaan dan perniagaan adalah sangat penting dipermudahkan. Perkara-perkara yang melambat atau menghalang kemajuan harus diambil perhatian untuk meningkatkan *Ease of Doing Business* negara ini.

Oleh itu dicadangkan supaya kebenaran atau kelulusan semua perkara yang berkaitan perusahaan dan perniagaan kepada agensi-agensi berkenaan untuk dipermudahkan dan dipercepatkan, kerana ada sebahagiannya terlalu ketat dan peraturan yang sukar dicapai oleh modal yang kecil. Memang penting supaya tidak mengabaikan dari segi peraturan keselamatan dan kesihatan, tetapi jika sekiranya peraturan itu

melibatkan kewangan yang besar, maka akan menyebabkan pengusaha atau pelabur-pelabur berkenaan mengundur diri.

Dalam perkara ini, merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 30 Jamadilakhir 1428 bersamaan 15 Julai 2007, sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang Ke-61 tahun, antaranya: "mana-mana agensi yang masih memakai peraturan-peraturan atau proses-proses yang boleh melambatkan pencapaian dan juga menghalangkan perkhidmatan yang efisien, hendaklah mereka itu dengan segeranya mengubah pandangan mereka."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga menyentuh masalah memilih kerja yang tidak kekal bekerja di sektor swasta. Dalam masalah ini, agar tidak berlakunya berhenti kerja di sektor swasta supaya pihak syarikat atau majikan menyediakan syarat atau garis panduan bentuk pekerjaan, kesejahteraan dan kebijakan pekerja tersebut.

Misalnya, menyediakan peluang-peluang kenaikan pangkat, kenaikan gaji dalam jangka masa tertentu berkhidmat, elauan-elaun dan lain-lain yang sama seperti diperolehi di jabatan-jabatan kerajaan. Jangan sampai pekerja menjadi ragu dan tidak yakin apa yang akan terjadi masa depan kerjaya mereka sehingga 10 tahun pun berkhidmat masih juga dalam kerjaya yang sama.

Sehubungan dengan itu, titah baginda lagi: "Peranan proaktif dan inovatif agensi-agensi yang berkenaan perlulah merangka perancangan yang *reasonable* dan *realistic* serta *cost effective*. Antaranya dengan melaksanakan kursus-kursus kemahiran kejuruteraan, pembuatan dan lain-lain serta menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* dalam semua peringkat yang relevan dengan kehendak dan keperluan negara dan syarikat-syarikat berkenaan adalah sangat mustahak."

Seterusnya titah baginda: "Kemahiran-kemahiran dan maklumat ini juga boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi yang mudah diakses dengan cepat melalui internet tetapi boleh menimbulkan bencana jika penggunanya lalai, tidak mempunyai jati diri dan mudah terpengaruh dengan maklumat-maklumat palsu dan fitnah seperti hadis, ajaran agama dan petua-petua yang tidak pasti sahinya, malah ada yang ikut serta menghantar dan yang menerima pula menghantar lagi kerana diberi amaran jika tidak menyampaikan kepada orang lain akan mendapat bala.

Jika difikirkan secara logiknya apalah kuasa orang ini untuk menentukan hukumannya kerana Allah Subhanahu Wata'ala lebih berkuasa untuk menentukan. Bagi mengatasi perkara ini, pendidikan kesedaran semua peringkat termasuk keluarga, ibu-bapa, jerayawara ke sekolah-sekolah, mukim-mukim dan kampung-kampung perlu dilaksanakan oleh pihak berkenaan. Selain itu, akta atau undang-undang dan penguatkuasaan perlu diperketatkan.

Akhirnya sebagai penutup, marilah kita bersama-sama berdoa semoga negara kita sentiasa dalam keadaan aman dan makmur serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat Diraja beroleh kesejahteraan dalam rahmat serta hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan ada baiknya persidangan kita ini, kita tangguhkan dahulu untuk kita berehat selama 15 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan masih lagi membahaskan Perkara V Usul Yang Telah Diberi Notis yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat telah ikut serta dalam membahaskan dan menyuarakan pendapat mereka bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dihadapan saya masih terdapat ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk turut serta dalam membahaskan perkara yang sama. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul

Wahab bin Apong: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga menggabungkan diri selaku wakil Daerah Tutong Zon 1.

Sukacita turut menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi sama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan pengurniaan titah baginda pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama

Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat menyentuh saranan titah baginda agar kita terus berusaha mempelbagaikan ekonomi Negara supaya tidak terus semata-mata bergantung pada hasil minyak dan gas. Perlu kita beri perhatian dan keutamaan apalagi ketika ini negara-negara keperluan minyak dan tidak terkecuali negara kita sedang menghadapi impak dari turunnya negara minyak dunia.

Sehubungan dengan itu, baginda telah mengurniakan titah supaya sektor swasta juga akan terus diberi keutamaan untuk membina keupayaan dalam aktiviti-aktiviti perusahaan mikrokecil dan sederhana dan juga *SME*. Selaras dengan usaha menyediakan asas kukuh bagi perkembangan perusahaan mikrokecil dan sederhana. Tidak syak lagi, baginda mengharapkan sektor swasta perlu diperkasa ini merangkumi berbagai-bagai bidang seperti perindustrian, pertanian, perikanan, perlادangan, perkhidmatan dan keusahawanan.

Menyentuh perkara yang kaola nyatakan tersebut، الحمد لله pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan telah membuat perancangan dan pelan-pelan strategik sehingga telah berjaya melaksanakan sebagai contoh dengan inisiatifnya iaitu penubuhan Darussalam Enterprise (*DARE*) yang membantu membangunkan pengusaha sederhana dan juga pengusaha yang telah berjaya dengan

mempersiapkan mereka dalam pelbagai aspek menjurus ke arah peningkatan taraf sosioekonomi negara. Ini bukan saja untuk pasaran dalam negara malahan diharapkan menembusi pasaran luar negara melalui pengeluaran produk yang mempunyai daya saing, daya tahan dan mudah diperolehi.

Begitu juga dengan adanya penumbuhan *SME Bank* yang telah diperkenankan dalam titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 amatlah baik dan ditunggu-tunggu oleh pengusaha-pengusaha tempatan negara.

Diharap pengusaha-pengusaha akan merebut peluang bagi menjalankan aktiviti perniagaan di negara ini misalnya pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana termasuk juga yang diharapkan produk-produk Majlis Penghulu Mukim dan Kampung.

Dalam hal ini saya percaya kita akan dapat meningkatkan produktiviti dan pengusaha-pengusaha negara, industri kecil dan sederhana dalam negara ini bukan saja untuk pasaran diri bahkan untuk menembusi luar negara.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَيْهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ

kaola mewakili Zon 1 Daerah Brunei dan Muara menyokong penuh usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Lebih dahulu kaola mengambil kesempatan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelantikan kaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada musim ini dan kaola menjunjung kasih atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Berhubung dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita amatlah menyanjung tinggi bahawa titah baginda penuh dengan nasihat dan pandangan jauh baginda yang mencerminkan

kebijaksanaan baginda sebagai pemimpin.

Seterusnya keprihatinan baginda dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara agar sentiasa terjamin dan terpelihara di bawah lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wa ta'ala ke arah kestabilan ekonomi untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik dengan memperkenalkan negara sebagai Zon Perdagangan Bebas sudah setentunya menyumbang kepada langkah pengukuhan ekonomi dengan peluang pekerjaan dan perniagaan semakin terbuka khususnya kepada warga tempatan.

Justeru itu, rakyat dan penduduk yang ingin untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan seharusnya mengambil kesempatan ini dengan sebaiknya. Apatah lagi kemudahan telah disediakan dengan penubuhan *SME Bank* dengan tujuan memberikan bantuan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah bagi mendukung aktiviti-aktiviti perniagaan di negara ini.

Pada masa yang sama sebagaimana yang dititahkan baginda mengenai keperluan sumber tenaga tempatan, ia amatlah bertepatan dengan masalah yang dihadapi pada masa kini khususnya para belia. Sesungguhnya masalah ini sudah sememangnya menjadi fokus utama dan satu cabaran yang perlu ditempuhi kerajaan dan negara amnya dalam usaha mempertingkatkan perkembangan perusahaan mikrokecil sederhana (*MSME*). Sudah setentunya

masalah terlalu memilih kerja berpunca dari sikap dan *mindset* mereka sendiri yang banyak beranggapan bahawa bekerja swasta atau keusahawanan tidak dapat menjamin masa hadapan mereka dan cuma berharap dan bergantung pada kerajaan semata-mata. Perkara ini amatlah dikesali.

Ke arah mengurangkan jurang pencapaian sumber tenaga tempatan ini amatlah sesuai pada masanya dengan kebijaksanaan baginda telah memperkenalkan satu program yang diberi nama *I-RDY* bagi mewujudkan program kemahiran khusus bagi graduan yang masih mencari pekerjaan. Kita berharap agar usaha ini dapat membantu para graduan bahkan berharap agar program ini dapat dilaratkan kepada semua golongan pencari pekerjaan sebagai nilai tambah kepada kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada.

Selain itu usaha memantapkan kurikulum dalam pendidikan wajar diberikan perhatian sepenuhnya khususnya dalam bidang keusahawanan dan bidang *IT* agar para belia kita ke hadapan dan mampu berdaya saing setanding dengan negara-negara maju. Dalam pada itu kita sedia maklum bahawa banyak usaha dan inisiatif kerajaan yang telah dan sedang dilaksanakan bagi memudahkan cara aktiviti-aktiviti perniagaan seperti pembaharuan dasar-dasar perniagaan begitu juga dalam usaha memberikan peluang pekerjaan tinggal hanya saja sama ada peluang yang ada ini mahu direbut dan dapat dimanfaatkan sebaiknya.

Kaola sukacita menyebut firman Allah Subhanahu Wataala yang bermaksud: "Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar dalam urusannya dan Allah mengurniakan rezeki dari arah yang tidak terlintas dari fikirannya dan sesiapa yang bertawakal pada Allah maka cukuplah Allah itu baginya."

(Surah At-Talaq ayat 2 dan 3.)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Melalui sidang Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini kaola bersama-sama dengan barisan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara berharap dan berdoa akan sedaya upaya menanai tanggungjawab dan menunaikan amanat dan hasrat yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَىٰ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتٌ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih yang Berhormat Yang Di-Pertua.

رَبِّ الْعَالَمِينَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبِياءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
السَّلَامُ عَلٰيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

and salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **الْحَمْدُ لِلّٰهِ** dengan memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas limpah rahmat dan hidayat-Nya serta dengan izin-Nya jua maka kaola dapat hadir bersama-sama di Dewan Persidangan yang mulia ini dalam menyokong usul menjunjung kasih yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di Dewan yang mulia ini bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong kaola dengan rendah hati dan tulus ikhlas menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda di Dewan majlis yang indah ini pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 / 06 Mac 2017 sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya baginda mengurniakan titah.

Dalam kesempatan di Dewan yang mulia ini kaola dengan jujur serta ikhlas kerana Allah Subhanahu Wataala untuk menyembahkan setinggi-tinggi

menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia perkenan baginda pelantikan kaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi mewakili Daerah Temburong.

Atas kepercayaan dan amanah yang baginda berikan kepada diri kaola, kaola sangat menjunjung tinggi dan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wataala. Kaola berjanji untuk berbakti sedaya-upaya kaola untuk menjalankan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sukacita kaola dalam kesempatan ini juga melahirkan rasa gembira atas titah baginda itu yang merupakan inisiatif yang bertujuan meningkatkan semangat positif dan kesedaran rakyat dan penduduk negara ini terhadap pelbagai inisiatif kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara di samping menjaga dan memelihara keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara yang berpaksikan kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Kaola percaya dan menaruh keyakinan bahawa agensi-agensi dan jentera kerajaan yang berkaitan telah

mempunyai pelan strategik untuk dilaksanakan. Usaha-usaha memperkasa ekonomi negara memerlukan sokongan dan dukungan dari semua pihak termasuklah sektor swasta iaitu bertindak secara bersepada.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
وَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Lebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السلام عليك ورحمة الله وبركاته
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ، وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدَنَا مُحَمَّدٌ وَعَلٰى آتِيهِ وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Kaola bagi mewakili Ahli Yang Dilantik bagi Daerah Belait lebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala.

Dengan kudrat dan iradat-Nya jua dengan penuh hormat dan takzimnya, abis kaola menjunjung kasih setingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelantikan abis kaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik mewakili zon 1 dan 2 Daerah Belait.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Abis kaola dengan hati tulus dan ikhlas menyokong sepenuh-penuhnya atas Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada menjunjung keberangkatan baginda bercamar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Majlis menjunjung kasih sepenuh-penuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua abis kaola amat menjunjung setinggi-tingginya atas titah dan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pelantikan ahli-ahli baharu akan membawa kesan yang positif kepada persidangan seterusnya akan menanai sedaya mungkin tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan pandangan, saranan yang bernas untuk kepentingan masyarakat dan negara إِنَّمَا اللّٰهُ يُعِظُّ إِنَّمَا اللّٰهُ يُعِظُّ semoga dikuasaan Allah jua amin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sudah menjadi slogan sejak berzaman bahawa biasa kita dengar kata-kata yang berbunyi "Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara". Bertepatan pada masa ini belia, graduan antara sumber

tenaga manusia untuk menjadi aset negara tercinta. Kita penuh berharap kesedaran belia pencari kerja tidak akan terlalu memilih kerja dan memperbaiki sikap daripada memilih dan sebaliknya.

Apa yang kita harapkan juga kepada syarikat-syarikat supaya berusaha menarik minat belia bekerja dengan syarikat-syarikat swasta seperti menawarkan kursus-kursus bagi membantu belia menambah pengalaman bekerja di syarikat-syarikat swasta. Ini bertujuan supaya pihak swasta juga berperanan membantu memperkasa belia memberikan kesedaran dan minat belia membangun ke arah sumber ekonomi di samping peranan kementerian-kementerian dalam menjana dan mempelbagaikan sumber ekonomi negara yang bukan dari minyak dan gas sahaja.

Ini terbukti dengan penyertaan pelabur-pelabur asing mahupun tempatan yang telah pun mula beroperasi dalam bidang-bidang atau sumber-sumber tertentu seperti pertanian dan ternakan.

Kita juga mengharapkan akan wujudnya usaha-usaha melahirkan belia yang berminat dalam berbagai-bagai lapangan seperti pertanian, ternakan, perikanan dan perusahaan yang menuju ke arah mempelbagaikan ekonomi negara yang menghasilkan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang. Kepada belia diserukan bagi menyahut hasrat negara meningkatkan pembangunan belia, perkasa dan berdaya maju apatah lagi adanya program untuk para graduan para belia ke dalam alam pekerjaan.

Program ini sebagaimana yang difahamkan akan dilancarkan pada bulan April 2017.

Kita berharap semoga atas usaha-usaha kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan membantu mengurangkan masalah pencari-pencari kerja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua kita berdoa semoga dengan izin Allah jua akan tercapai hasrat Negara Brunei Darussalam sekian sahaja. *السلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim:

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. *الحمد لله* 

Wassalaatu Wassalaamu Rasulillah Waala Alihi Wasahbihi Waman tabiu Ma Wadah. Rabbi adkhilni mudkhala sidqin wa akhrijni mukhraja sidqin wa aj'alli milla dinka sultanan nasira.

Pertama kali dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji

Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menyembah sembah menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Sesungguhnya dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu merupakan suluh bagi kita semua yang memandu ke arah pencapaian negara yang maju jaya pada masa hadapan.

Sesungguhnya kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan polisi (dasar) kerajaan yang mesti kita junjung, sanjung dan dihargai oleh seluruh rakyat dan penduduk Negara. Khususnya bagi mereka yang dipertanggungjawabkan dengan urus tadbir negara berdasarkan dan berlandaskan Melayu Islam Beraja.

Sesungguhnya kita rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sangat-sangat bertuah kerana mempunyai dasar dan juga falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang telah dimasyhurkan semasa Pemasyhuran Kemerdekaan Negara,

pada masa negara-negara lain sedang tercari-cari untuk mendapatkan ataupun memperolehi satu falsafah bagi negara mereka. Kita telah pun ada MIB, Melayu Islam Beraja.

Pada pemahaman kaola, MIB, Melayu mestilah unggul; Islam mestilah tinggi dan dijunjung serta dihayati oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini berdasarkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam, "Al Islam muya'alu, walaayu'ala alaih". Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya. Sementara konsep beraja adalah konsep yang telah pun berakar umbi sejak lama iaitu pemerintahan beraja yang kita hayati dan sanjungi selama ini.

Kaola ingin menyebut di sini mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyentuh khusus mengenai isu ekonomi negara, bahawa baginda telah menasihatkan semua yang bertanggungjawab khususnya kita yang mempunyai kuasa kewibawaan dan juga yang menjalankan kuasa undang-undang termasuk penguatkuasaan undang-undang di negara ini supaya memajukan ekonomi negara ini seperti mana yang dikehendaki.

Kita menyanjung tinggi titah baginda yang telah menggariskan beberapa rancangan dan strategi yang akan dijalankan oleh negara kita. Tetapi

jangan lupa semasa kita mengatur langkah untuk menjayakan strategi-strategi itu, kita jangan lupa untuk mengubati masalah-masalah ataupun memulihkan masalah-masalah yang sedang kita hadapi sekarang. Masalah ekonomi negara memang ada di negara kita. Kita dukacita melihat bangsa kita orang-orang Melayu Brunei masih lagi ketinggalan dalam bidang ekonomi. Kita juga melihat di sana sini, tumbuh dan muncul apa yang dipanggil parasit ekonomi ataupun dalam bahasa Bruneinya, *binalu ekonomi*.

Perkara ini telah saya timbulkan dalam muzakarah dengan pihak-pihak kementerian sebelum bersidang di Dewan yang mulia ini, dan nampaknya semua pihak telah pun memberikan komitmen yang baik menuju ke arah memperbaiki lagi sistem yang akan kita ambil terutamanya dalam penguatkuasaan undang-undang bagi menangani masalah *binalu ekonomi* negara ini.

Binalu ialah tumbuhan yang hinggap pada tumbuhan lain, perlahan-lahan tumbuhan asal itu akan dihisap dan lama-kelamaan akan mati dan layu. Itulah perumpamaan yang kaola bawa di sini bagi menunjukkan bahwasanya ada anasir-anasir *binalu ekonomi* dalam negara kitani. Tidak perlu kaola sebutkan siapa kerana kita semua tahu mereka itu wujud dalam kalangan masyarakat kitani dan yang penting sekarang ialah untuk kitani menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini, bagi sama-sama memastikan supaya rakyat dan negara kitani, bangsa kitani lebih perkasa menangani permasalahan ekonomi dengan menanamkan sifat-sifat yang terpuji iaitu sifat mandiri, berdikari dan juga semangat untuk berjaya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Itulah sahaja isu yang ingin saya bawakan dalam Dewan yang mulia ini. Mudah-mudahan kita semua akan mengambil iktibar daripada negara-negara lain di dunia ini yang kedaulatan negara mereka sedikit demi sedikit telah hancur disebabkan ada isu-isu ekonomi yang dikuasai oleh *binalu-binalu* ini. Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتٌ

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ ، وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلٰى آلِهِ وَصَاحِبِيهِ أَجْمَعِينَ الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama marilah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan nikmat yang dilimpahkan ke atas negara kita sebagai negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja dan seterusnya kaola menjunjung kasih Kehadapan

Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas lantikan kaola menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada musim ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berdiri di sini dengan tulus ikhlas menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas keberangkatan dan seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 6 Mac 2017.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam titah berkenaan, baginda telah jelas menitikberatkan serta mengutamakan kepada kondisi perekonomian negara yang sedang tidak menentu.

Untuk itu, baginda telah memberikan solusi yang berasas serta padat terhadap keadaan perekonomian yang pada masa ini iaitu dengan Negara Brunei Darussalam akan ikut serta dalam

konsep ekonomi perdagangan bebas serta memberikan kepada syarikat-syarikat perniagaan kecil dan sedarhana untuk mengembangkan usaha mereka dengan memberikan kemudahan pinjaman modal melalui *SME Bank* yang berkonsepkan syariah yang mana peluang ini setentunya tidak akan disiasakan oleh syarikat-syarikat perniagaan kecil dan sedarhana.

Hal ini ternampak positif terhadap perniagaan dan penyerapan tenaga kerja juga adalah diharapkan meningkat sehingga jumlah pengangguran dapat berkurang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga sangat prihatin dengan para graduan yang belum mendapat pekerjaan sehingga baginda memperkenankan satu Program *Apprentice I-RDY* bahawa program ini dialu-alukan oleh baginda kepada para graduan yang belum bekerja. إِنَّهُ أَنَّهُ program yang akan dilancarkan pada bulan April 2017 akan mendapat sambutan yang mengembirakan serta amat dialu-alukan oleh para graduan dan ibu bapa serta penjaga para graduan yang belum mendapat pekerjaan, yang bilangannya setiap tahun terus meningkat.

Adalah diharapkan nanti, program ini mendapat kerjasama dan sambutan yang padu daripada pihak-pihak yang terlibat, supaya program ini berjaya sehingga tujuannya benar-benar tercapai, iaitu menghasilkan para graduan yang berdaya saing dan siap berkhidmat untuk kemajuan negara dan bangsa.

Akhirnya marilah kita bersama-sama berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli-ahli kerabat diraja dan rakyat Negara Brunei Darussalam beroleh rahmat, hidayah serta kesejahteraan yang berpanjangan. وَبِاللّٰهِ التَّوفِيقُ وَالْهَدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْنَ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُ
Sekian, Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَقِ الْأَيَّارِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلٰى آتِيهِ وَصَحِّبِيهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola wakil zon 5, Daerah Brunei dan Muara. Pertama-pertama menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah melantik kaola sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola menjunjung titah mengenai masalah rakyat Brunei yang terlalu memilih kerja dan masalah sudah dapat kerja di sektor swasta tetapi tidak kekal lama hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti balik semula memilih kerja menjadi penganggur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola melihat titah ini secara positif, kaola

berpendapat ini menunjukkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya kita berusaha untuk mengatasi masalah ini.

Kaola mencadangkan supaya dibuat kajian menyeluruh mengapa rakyat kita memilih kerja di sektor swasta ini, dikatakan memilih kerja dan dicadangkan supaya setiap majikan untuk mengeluarkan kepada setiap mereka yang diterima bekerja dengan diberikan surat lantikan bekerja atau pun *appointment letter* dan *jobs description*.

Ini dapat membuktikan para majikan secara bersungguh-sungguh menerima bekerja rakyat Brunei, dengan peraturan secara bertulis iaitu *rule regulations*. Hal ini dicadangkan kerana terdapat maklumat majikan yang menganiaya pekerja rakyat Brunei malahan lebih mengutamakan pekerja asing.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ mudah-mudahan cadangan kaola ini akan diterima dan sebelum kaola mengundur diri saya menyokong seperti mana yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai masalah ekonomi yang dihadapi sekarang ini adalah masalah '*Binalu*' ataupun masalah '*Peniaga Ali Baba*'. Yang Behormat Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang suka untuk turut serta membahaskan usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Usul untuk menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Isnin 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Maka saya berpandangan ada baiknya sekarang Usul ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini untuk diterima, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan
tanda bersetuju)**

Terima kasih. Nampaknya keseluruhan Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan sepenuhnya. Maka usul untuk menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat

Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan pada Hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sekarang diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpendapat ada baiknya persidangan kita ini kita tangguhkan dahulu untuk berehat pada tengah hari dan kita ﴿إِنَّمَا اللَّهُ أَعْلَم﴾ akan bersidang semula pada pukul 2.00 petang.

Sekian، وبا الله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)